

INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)
www.ijlgc.com



**ANALISIS POLISI KUTIPAN DAN AGIHAN ZAKAT OLEH
PUSAT PUNGUTAN ZAKAT MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH
PERSEKUTUAN (PPZ-MAIWP) KETIKA KETIDAKTENTUAN
SITUASI**

*POLICY ANALYSIS OF ZAKAT COLLECTION AND DISTRIBUTION
MANAGEMENT BY THE ZAKAT COLLECTION CENTRE OF THE FEDERAL
TERRITORIES ISLAMIC RELIGIOUS COUNCIL (PPZ-MAIWP) DURING
PERIODS OF UNCERTAINTY*

Wan Mohd Amjad Wan Halim^{1*}, Mohd Faiz Mohd Yaakob², Afiffudin Mohammed Noor³, Mohd Shahid Azim Mohd Saufi⁴, Muhamad Husni Hasbulah⁵, Ahmad Faiek Shahatha Al-Mashhadani⁶

¹ Pusat Pengajian Bahasa Tamadun dan Falsafah (SLCP) Universiti Utara Malaysia,
Email: amjadhalim@uum.edu.my

² Pusat Pengajian Pendidikan (SOE) Universiti Utara Malaysia
Email: mohd.faiz@uum.edu.my

³ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perlis
Email: afiffudin@uitm.edu.my

⁴ Fakulti Pengurusan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah
Email: azimsaufi@uitm.edu.my

⁵ Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ)
Email: husni@kuiips.edu.my

⁶ Kulliyyah Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS)

Email: almashhadani@unishams.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 27.03.2025

Revised date: 14.04.2025

Accepted date: 15.05.2025

Published date: 05.06.2025

To cite this document:

Wan Halim, W. M. A., Yaakob, M. F.
M., Noor, A. M., Saufi, M. S. A.M.,

Abstrak:

Masyarakat seluruh dunia telah menghadapi perubahan besar dan melalui norma baharu akibat pandemik COVID-19. Perkara ini berlaku apabila Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengisytiharkan wabak ini sebagai fasa pandemik pada tahun 2020. Kini fasa tersebut telah memasuki fasa endemik kerana kejayaan pelaksanaan program vaksinasi yang meluas di seluruh negara. Pandemik COVID-19 ini telah mengakibatkan terjejasnya pelbagai sektor terutama sektor ekonomi dan kesihatan. Perkara ini telah menyebabkan institusi zakat tidak terkecuali daripada menghadapi kesan yang

Hasbulah, M. H., & Al-Mashhadani, A. F. S. (2025). Analisis Polisi Kutipan Dan Agihan Zakat Oleh Pusat Pungutan Zakat Majelis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) Ketika Ketidaktentuan Situasi. *International Journal of Law, Government and Communication*, 10 (40), 323-337.

DOI: 10.35631/IJLGC.1040024

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



ketara khususnya dalam kutipan dan agihan zakat. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk mengkaji polisi pengendalian pungutan dan agihan zakat oleh Pusat Pungutan Zakat Majelis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) semasa pandemik COVID-19 di Wilayah Persekutuan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kajian kepustakaan melibatkan buku, artikel, jurnal, akhbar, laman sesawang rasmi PPZ-MAIWP, polisi PPZ-MAIWP dan pekeliling yang berkaitan. Metode analisis kandungan akan digunakan terhadap sumber, bahan dan dokumen yang telah diperolehi. Berdasarkan kepada hasil dapatan kajian, pihak PPZ MAIWP telah melaksanakan alternatif yang signifikan dalam aspek pungutan dan agihan zakat ketika menghadapi pandemik COVID-19. Alternatif yang dilakukan ialah melaksanakan kempen yang meluas dalam media-media elektronik, memberikan bantuan secara berkala mengikut keadaan, bantuan secara pukal, bekerjasama dengan pelbagai pihak bagi melancarkan pungutan dan agihan zakat. Bagi melicinkan agihan ketika pandemik, PPZ-MAIWP juga telah melancarkan Bantuan Khas COVID-19. Langkah proaktif yang dilakukan oleh PPZ-MAIWP dilihat mampu mengurangkan beban kepada asnaf ketika pandemik COVID-19 terutama dalam sektor ekonomi di Wilayah Persekutuan.

Kata Kunci:

Agihan, Kutipan, Polisi, PPZ-MAIWP, Zakat

Abstract:

The global community has undergone significant transformations and adapted to new norms following the outbreak of the COVID-19 pandemic, officially declared a global pandemic by the World Health Organization (WHO) in 2020. The situation has since transitioned into an endemic phase due to the successful implementation of widespread vaccination programs across nations. The COVID-19 pandemic severely impacted multiple sectors, particularly the economy and public health. Zakat institutions were no exception, as they too experienced notable disruptions in zakat collection and distribution processes. Therefore, this article aims to examine the policy measures undertaken by the Zakat Collection Centre of the Federal Territories Islamic Religious Council (PPZ-MAIWP) in managing zakat collection and distribution during the COVID-19 pandemic in the Federal Territories of Malaysia. This study adopts a qualitative approach through library-based research, reviewing books, articles, journals, newspapers, PPZ-MAIWP's official websites, its policies, and relevant circulars. Content analysis methodology is employed to analyze the collected materials and documents. The findings reveal that PPZ-MAIWP implemented significant alternatives in both collection and distribution of zakat during the pandemic. These measures included extensive campaigns via electronic media, periodic and condition-based financial aid, bulk disbursements, and strategic collaborations with various stakeholders to ensure efficient zakat operations. Moreover, PPZ-MAIWP launched a Special COVID-19 Assistance program to streamline distribution during the crisis. These proactive initiatives were instrumental in alleviating the economic burden of the asnaf (zakat beneficiaries) in the Federal Territories during the pandemic.

Keywords:

Collection, Distribution, Policy, PPZ-MAIWP, Zakat

Pendahuluan

Situasi pandemik ini telah menggemparkan seluruh dunia kerana ia berlaku dengan begitu pantas. Hal ini demikian kerana, virus COVID-19 ini boleh merebak dengan cepat kerana ia tersebar melalui titisan cecair disebabkan percakapan, batuk atau bersin (WHO, 2020). Wabak yang menular di seluruh dunia ini bukan sekadar menyebabkan gejala penyakit biasa seperti demam dan selsema malah ia turut mengakibatkan kematian. Perkara ini menyebabkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengisytiharkan virus ini sebagai pandemik kerana penyebarannya begitu meluas ke seluruh dunia dan jutaan nyawa telah terkorban akibat wabak ini (WHO, 2020).

Keadaan ini menyebabkan pihak kerajaan Malaysia mengambil langkah proaktif bagi membendung virus ini tersebar dengan lebih teruk. Pada 18 Mac 2019, kerajaan telah mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ekoran pandemik wabak COVID-19 yang melanda negara. Bagi membendung penularan wabak tersebut, kerajaan telah menguatkuasakan undang-undang melalui Akta Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342). Melalui Akta tersebut, kerajaan telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), menggariskan Prosedur Operasi Standard (SOP) pemakaian pelitup muka di tempat awam, penjarakkan fizikal, larangan menganjurkan aktiviti sosial seperti majlis kenduri dan aktiviti bersukan (MKN, 2020). Bagi melaksanakan PKP dengan lebih terancang, pihak kerajaan juga telah melaksanakan sekatan di negeri dan daerah, menghadkan pergerakan dalam jarak radius 15 kilometer, menyenaraikan perkhidmatan perlu (essential services) dan menutup premis-premis yang tidak termasuk dalam senarai tersebut. (non-essential services) (Karim et al., 2020; Shah et al., 2020).

Sehingga kini, kes kumulatif di seluruh dunia yang dijangkiti virus COVID-19 ini ialah seramai 242 juta orang dalam tempoh dua tahun (WHO, 2021). Daripada jumlah tersebut pula, seramai lebih lima juta angka kematian akibat daripada wabak ini (WHO, 2021). Keadaan ini menjadi lebih serius apabila wujudnya varian virus COVID-19 yang telah bermutasi menjadi lebih agresif dan sangat pantas merebak kepada manusia. Pada Disember 2021, Kementerian Kesihatan Malaysia mengumumkan kes pertama varian Omicron yang dikesan di Malaysia. Menurut Menteri Kesihatan, varian tersebut dikesan pada seorang pelajar universiti di Ipoh (Jamaludin, 2021).

Selain daripada sektor kesihatan, sektor sosial dan ekonomi juga terkesan akibat pandemik ini. lagi (Shakeel et al., 2020). Buktinya, dapat dilihat di negara ini apabila berlakunya ketidakstabilan ekonomi seperti isu kehilangan pekerjaan. Menurut Menteri Sumber Manusia, sehingga September 2021, seramai 140, 608 orang telah kehilangan sumber pendapatan. (Saravanan, 2021) Apabila ramai telah hilang pekerjaan dan sumber pendapatan akibat pandemik ini, maka sudah tentu kadar kemiskinan juga turut meningkat. Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), kadar kemiskinan di Malaysia telah meningkat sebanyak 8.4% pada tahun 2020 berbanding tahun 2019 iaitu sebanyak 5.4%. Daripada peratusan tersebut, dianggarkan sebanyak 405,000 jumlah kemiskinan isi rumah pada tahun 2019 meningkat kepada 640,000 pada tahun 2020 (Mustapa Mohamed, 2021).

Selain itu, penguatkuasaan undang-undang melalui pelaksanaan PKP telah memberikan efek yang besar kepada sektor ekonomi di negara ini. Akibatnya, pelbagai sektor penting dalam ekonomi negara terpaksa ditutup. Hal ini demikian kerana, ramai pengusaha kilang atau pemilik syarikat tidak mampu membiayai perbelanjaan termasuk kos penyelenggaraan dan gaji

pekerja (Fabeil et al., 2020). Kesannya, ramai pekerja yang telah diberhentikan dan sebahagiannya hanya dibayar gaji separuh. Situasi ini menyebabkan pekerja tersebut terbeban dengan komitmen hutang, perbelanjaan keperluan harian dan kos sara hidup (Aziz et al., 2020).

Hakikatnya pandemik COVID-19 ini bukan sahaja memberikan impak kepada asnaf zakat semata-mata, bahkan golongan dalam kategori M40 serta T20 terutama sektor swasta dan usahawan turut terbeban. Golongan tersebut termasuk yang terlibat dalam sektor perniagaan, penerbangan, pelancongan dan perkilangan. Hal ini berlaku kerana, golongan tersebut terpaksa menutup perniagaan dalam tempoh masa yang lama sehingga sebahagiannya ‘gulung tikar’ (Othman et al, 2020).

Situasi ini turut memberikan kesan kepada institusi zakat yang bertindak sebagai sosio-ekonomi umat Islam sejak zaman Rasulullah S.A.W. Pihak zakat yang berperanan untuk memungut serta mengagihkan zakat kepada golongan asnaf yang berhak menerima zakat (Ibrahim, 2015). Pandemik COVID-19 ini memberikan kesan kepada kutipan zakat yang semakin berkurang dan golongan asnaf yang semakin bertambah. Golongan barisan hadapan seperti petugas kesihatan dan anggota keselamatan turut terjejas akibat pandemik ini. Lebih-lebih lagi peniaga kecil, penjaja jalanan dan warung-warung yang terpaksa ditutup turut menjejaskan pendapatan mereka. Lantaran itu, golongan asnaf semakin ramai walhal kutipan zakat berkurang (Kamrizal et al, 2021).

Pungutan zakat ketika musim wabak ini menunjukkan komplikasi yang negatif di negara ini. Wilayah Persekutuan yang merupakan tonggak penghasilan ekonomi negara turut menerima kesan yang sama. Buktinya dapat dilihat berdasarkan peningkatan jumlah asnaf iaitu seramai 14,746 di Wilayah Persekutuan. Perkara ini berlaku akibat daripada penutupan beberapa sektor ekonomi seperti pembuatan, perniagaan dan golongan yang bekerja sendiri (Ahmad, 2022).

Penguatkuasaan Akta Penyakit Berjangkit melalui pelaksanaan PKP telah mengakibatkan ramai individu yang hilang pekerjaan. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, seramai 764,400 penganggur telah direkodkan (Mohd Uzir, 2021). Daripada jumlah penganggur tersebut, seramai 168,182 hilang pekerjaan akibat pelaksanaan PKP di Malaysia (DOSM, 2020). Berdasarkan data daripada Jabatan Tenaga Kerja Negeri Selangor, terdapat seramai 6,495 pekerja tempatan di negeri Selangor telah hilang pekerjaan dalam tempoh tujuh bulan iaitu Januari 2021 hingga Julai 2021 (Mesyuarat Dewan Negeri Selangor, 2021). Perkara ini sudah tentu memberikan cabaran yang baharu kepada pihak PPZ-MAIWP dalam usaha memungut dan mengagihkan zakat ketika wabak COVID-19.

Metodologi

Bagi menjayakan objektif kajian, makalah ini mengambil pendekatan kualitatif melalui kajian kepustakaan meliputi buku, artikel, jurnal, akhbar, laman sesawang rasmi PPZ-MAIWP dan kerajaan serta polisi atau pekeliling yang berkaitan. Pengkaji melakukan sorotan karya berkaitan konsep zakat, pelaksanaan zakat, pengendalian zakat di Wilayah Persekutuan. Seterusnya, pengkaji mengenal pasti pengendalian pungutan dan agihan zakat negeri Selangor melalui laman akhbar atas talian dan laman sesawang rasmi PPZ-MAIWP. Data yang diperoleh daripada sumber berkenaan telah dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan secara tematik. Proses ini melibatkan penapisan, penafsiran, dan pengkategorian data berdasarkan tiga tema utama, iaitu polisi pengendalian kutipan zakat, pengagihan zakat, serta cabaran yang dihadapi oleh PPZ-MAIWP semasa pandemik COVID-19 (Lebar, 2018).

Sorotan Karya

Zakat menurut etimologi bermaksud suci dan bersih (Rashid et al., 2018). Zakat juga bermaksud bersih, terpuji, tumbuh, berkembang dan berkat (Ibn Manzur, 1990). Allah S.W.T menerangkan maksud kalimah zakaa melalui firman-Nya yang bermaksud: “Sesungguhnya beruntunglah orang yang menyucikan jiwa itu. (al-Syams: 9)” Berdasarkan ayat ini dapat difahami bahawa maksud zakat ialah satu wasilah penyucian harta melalui infak mandatori yang mana dapat menimbulkan rasa kasih kepada pembayar zakat serta memadamkan rasa dengki, iri hati dan cemburu kepada penerima zakat (Mahyuddin, 2012). Dimaknakan zakat dengan pengertian tersebut kerana perbelanjaan zakat adalah usaha kepada penyucian rohani dan mengharapkan keberkatan daripada Allah S.W.T serta menyuburkan setiap kebajikan amal soleh (Zulkifli al-Bakri, 2011).

Zakat menurut terminologi syarak pula ialah sesuatu harta mengikut syarat yang tertentu kepada golongan tertentu (Hasbulah et al., 2022). Kemudian diambil sebahagian harta tersebut untuk diinfakkan secara wajib kepada golongan yang ditentukan dalam nas syarak (Zulkifli al-Bakri, 2011). Ringkasnya zakat bermaksud penyucian harta melalui pembayaran zakat dengan jumlah yang tertentu untuk diagihkan kepada golongan asnaf yang berhak (Al-Qaradawi, 1987). Allah S.W.T mewajibkan zakat kerana terdapat masalah dan objektif pada pensyariatan zakat. Bagi menjadikan tujuan pensyariatan zakat dapat direalisasikan, pelbagai gerak kerja telah dijalankan oleh umat Islam sejak sekian lama (Rashid et al., 2018). Misalnya, ketika zaman pemerintahan Saidina Abu Bakar R.A, beliau telah menunjukkan reaksi tegas melalui tindakan memerangi golongan yang tidak mahu menunaikan kewajipan zakat. Seterusnya, ketika zaman pemerintahan Saidina Umar al-Khattab pula ditubuhkan Baitul Mal sebagai institusi yang mengendalikan khazanah perbendaharaan negara seperti zakat dan sistem percukaian negara iaitu jizyah, kharaj, fay' termasuk harta rampasan perang, (ghanimah) bayaran elaun pegawai tadbir serta tentera (Tonot & Ibrahim, 2014).

Zakat merupakan satu institusi yang mempunyai peranan penting dalam sektor sosio-ekonomi Islam (Halim et al., 2022). Hal ini demikian kerana, sistem zakat itu sendiri mempunyai jaminan sosial yang kukuh dan efektif terhadap komuniti Islam (Hasbulah et al., 2022). Buktinya, dapat dilihat dalam agihan zakat terhadap lapisan golongan asnaf yang terdiri daripada fakir (al-Fuqara'), miskin (al-Masakin), amil, mualaf, hamba (al-Riqab), pihak yang dibebani hutang (al-Gharimin), pihak yang berjuang di jalan Allah (fi sabilillah) dan musafir dalam perjalanan. (Ibn Sabil) Tambahan pula, lapisan golongan tersebut lazimnya wujud dalam struktur sosial sebuah masyarakat. Oleh itu, pemberian zakat ini dapat menjamin kesejahteraan sosial masyarakat (Wahid et al., 2017). Selain itu, matlamat syariat zakat ialah untuk menyemai rasa kasih dan sayang di antara pembayar zakat dan penerima zakat. Melalui ibadah zakat juga dapat menjauhkan masyarakat daripada sifat mazmumah seperti kedekut, sombong dan sikap penting diri (Fathullah Asni, 2021).

Institusi zakat pada masa kini telah berevolusi menjadi semakin maju dari sudut pengendalian pungutan dan agihan zakat yang lebih sistematik (Noor et al., 2022). Oleh itu, institusi zakat menjadi tonggak kepada pembangunan ekonomi, pendidikan, kesihatan dan sosial umat Islam. Tambahan pula, institusi zakat juga menjadi wasilah dalam menyelesaikan masalah yang berlaku dalam sektor ekonomi, pendidikan dan sosial umat Islam (Kadri et al., 2012). Buktinya kita dapat lihat apabila agihan zakat bukan sahaja diberikan kepada golongan asnaf yang difahami umum malah turut diagihkan kepada mangsa yang terlibat dengan musibah kerosakan harta benda akibat bencana alam (Asni, 2021). Sebagai contoh, mangsa bencana banjir juga

boleh dikategorikan sebagai asnaf al-Gharimin. Hal ini demikian kerana, mereka berada dalam keadaan terdesak lalu terpaksa berhutang demi kelangsungan hidup serta bukan dalam tujuan maksiat (Fisal et al., 2016). Perkara ini berlaku kerana bencana banjir telah mengakibatkan harta benda seperti tempat tinggal dan kenderaan musnah, justeru para fuqaha mengkategorikan mangsa bencana banjir sebagai golongan asnaf yang layak menerima zakat (Asni, 2021).

Situasi pandemik COVID-19 yang melanda negara telah menyebabkan pihak zakat mengalami cabaran yang besar dalam pengendalian pungutan dan agihan zakat. Pandemik COVID-19 ini mengakibatkan agihan zakat yang semakin bertambah walhal pungutan zakat berkurangan. Oleh itu, polisi pungutan zakat perlu diadaptasi bagi meningkatkan hasil pungutan zakat supaya seimbang dengan agihan zakat. Ketika suasana pandemik COVID-19, institusi zakat perlu merencanakan lagi kempen zakat melalui aplikasi digital supaya pungutan zakat dapat ditingkatkan. Perkara ini berjaya dilaksanakan oleh Badan Nasional Republik Zakat Indonesia (Hudaefi et al., 2021). Usaha pendigitalan kaedah pembayaran zakat juga boleh mengoptimumkan pungutan zakat ketika musim pandemik COVID-19. (Bin Nashwan, 2021) Institusi zakat juga perlu proaktif dalam menyediakan sistem pembayaran zakat melalui aplikasi digital yang lebih cekap dan mesra pelanggan. Hal ini demikian kerana, tumpuan utama ketika suasana pandemik COVID-19 ini ialah memudahkan urusan dan kaedah pembayaran zakat kepada pembayar zakat. Bagi memastikan sistem aplikasi digital pembayaran zakat dapat digunakan dengan efektif, usaha pantauan dan pengemaskinian dari masa ke semasa perlu dilakukan supaya sistem tersebut berada dalam prestasi yang optimum (Kasri et al., 2021).

Kajian mengenai pendidikan yang dikemukakan oleh RStudio berjaya menerbitkan enam belas karya berkenaan tiga judul utama iaitu perkhidmatan pendidikan, perkhidmatan sadaqah dan perkhidmatan kesihatan. Karya-karya di dalam RStudio tersebut berjaya memberikan input dan ilmu pengetahuan berkenaan misi bantuan oleh Badan Nasional Republik Zakat Indonesia ketika Pandemik COVID-19. Dalam erti kata yang lain, penulisan dalam RStudio tersebut memberikan pendedahan kepada masyarakat untuk memahami pengendalian zakat melalui laman sesawang rasmi Badan Nasional Republik Zakat Indonesia (Hudaefi et al., 2021). Pengaplikasian teknologi blok rantai (blockchain) dalam pengendalian zakat berpotensi menambahkan kepercayaan masyarakat Islam terhadap pengendalian pungutan dan agihan zakat kerana sistem tersebut lebih mapan dan cekap (Nor et al., 2021). Hal ini demikian kerana, masyarakat semakin percaya kepada institusi zakat apabila kesedaran mereka mengenai kemampuan institusi zakat untuk menambahkan pungutan zakat sekaligus boleh memberikan sumbangan yang besar ketika musim pandemik COVID-19 (Umar et al., 2021).

Hasil dan Perbincangan

Polisi Pengendalian Kutipan Zakat oleh PPZ-MAIWP

Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan PPZ-MAIWP telah melaksanakan beberapa polisi yang penting ketika pandemik COVID-19. Dalam aspek kutipan, pihak PPZ-MAIWP telah melaksanakan sebanyak enam siri seminar melalui Akademi Zakat (AZKA) secara maya untuk mengkaji isu-isu berkaitan zakat termasuk keberkesanan kutipan, tadbir urus zakat dan kajian tentang pemulihan zakat pasca COVID-19. Seminar itu juga bertujuan mengkaji instrumen aplikasi digital untuk pembayaran zakat (PPZ-MAIWP, 2020).

Bagi memperkasakan kutipan zakat, pihak AZKA telah melaksanakan kajian tentang keberkesanan promosi pembayaran zakat. Lebih 76 peratus yang terlibat dalam kajian tersebut mencadangkan agar dipertingkatkan promosi dalam media sosial seperti facebook, isntagram, twitter dan youtube. Pihak AZKA juga melaksanakan kajian tentang potensi warga asing dalam pembayaran zakat di Wilayah Persekutuan. Hasil kajian tersebut mendapati bahawa kadar pembayar zakat dalam kalangan warga asing di Wilayah Persekutuan telah membayar zakat fitrah lebih tinggi berbanding zakat-zakat lain. Oleh itu, pihak PPZ-MAIWP melalui AZKA telah mempertingkatkan lagi usaha memberikan kesedaran dan galakan kepada warga asing untuk membayar zakat di Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP, 2020).


Selain itu, PPZ-MAIWP juga sangat mengambil berat kebajikan staf di bahagian pelaksana. Perkara ini amat penting bagi memastikan pengendalian kutipan zakat berjalan lancar. Hal ini demikian kerana, apabila kebajikan pekerja di PPZ-MAIWP terjaga maka mereka dapat memberikan fokus dan komitmen yang terbaik dalam menjalankan amanah sebagai staf di PPZ-MAIWP. Buktinya dapat dilihat apabila seramai 28 orang staf telah mendapat pengesahan jawatan pada tahun 2020. Pihak PPZ-MAIWP melalui bahagian Sumber Manusia juga telah memperbaharui insurans takaful dan membuat tuntutan takaful kepada staf yang terlibat dengan kemalangan. PPZ-MAIWP juga telah melaksanakan gaji minimum RM1,200 dan penyelarasan gaji, penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan pembayaran atas lebihan cuti tahunan kepada staf sepanjang tahun 2020 (PPZ-MAIWP, 2020).

Bagi memastikan kompetensi dan kecekapan staf dalam pengurusan kutipan zakat ketika pandemik COVID-19, pihak PPZ-MAIWP telah melaksanakan lapan kursus induksi pementapan dan profesionalisme yang diadakan secara maya. PPZ-MAIWP juga telah melaksanakan program *retreat* yang melibatkan 182 kakitangan zakat. Melalui kursus ini, pembentangan tentang aktiviti dan program yang telah dilaksanakan dalam tempoh enam bulan serta pelan pembangunan yang akan dilaksanakan dalam tempoh enam bulan akan datang (PPZ-MAIWP, 2020). Pengkaji melihat bahawa usaha ini amat penting dalam menjamin tadbir urus dan tatakelola zakat dalam keadaan yang optimum.

Di samping itu, pihak PPZ-MAIWP telah melaksanakan Dasar Pengembalian Semula Wang Zakat atau dikenali sebagai Skim Wakalah. Melalui skim tersebut, pihak pembayar zakat dapat mengagihkan sendiri wang zakat kepada pihak asnaf (Ahmad, 2020). Pihak PPZ-MAIWP juga telah menjalin kerjasama strategik dengan beberapa agensi seperti RHB Islamic Bank Berhad, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), UBB Investment Bank Limited (UBB IB) dalam memperkasakan kutipan zakat ketika pandemik (Bernama, 2022).

Tambahan pula, pihak PPZ-MAIWP telah melaksanakan alternatif pungutan zakat melalui aplikasi digital. Hasilnya, melalui platform digital, pihak PPZ-MAIWP telah berjaya melonjakkan kutipan sebanyak RM 5 juta pada bulan Ramadan sahaja. PPZ-MAIWP juga mempergiatkan usaha kutipan dengan melaksanakan Kempen Skim Potongan Zakat Bulanan (SKIM PZB). PPZ-MAIWP juga memperkenalkan inisiatif Skim Kafalah Muzakki dan khairat kematian kepada pembayar zakat di Wilayah Persekutuan. Perkara ini dapat menambahkan keyakinan pembayar zakat dan meraikan pembayar zakat di Wilayah Persekutuan (Ahmad, 2020).

Bagi memastikan kelancaran kutipan ketika pandemik COVID-19, pihak PPZ-MAIWP juga telah memperbaharui laman sesawang rasmi PPZ-MAIWP. Laman sesawang rasmi tersebut lebih mesra pelanggan dan memudahkan pembayar zakat kerana dilengkapi sistem perkiraan zakat serta platform pembayaran zakat secara atas talian. (PPZ-MAIWP, 2020).

Rajah 1: Tangkap Layar Paparan Muka Depan Laman Sesawang Rasmi PPZ-MAIWP

Berdasarkan rajah satu menunjukkan tangkap layar laman sesawang rasmi PPZ-MAIWP yang memaparkan perkhidmatan penting dalam urusan pengendalian pungutan zakat. Perkhidmatan seperti pengiraan zakat, kaunter zakat atas talian, informasi zakat dan korporat serta khidmat pelanggan merupakan perkhidmatan utama yang diperlukan oleh pembayar zakat khususnya ketika pandemik COVID-19 (PPZ-MAIWP, 2023).

Rajah 2: Tangkap Layar Paparan Muka Depan Laman Sesawang Rasmi PPZ-MAIWP

Berdasarkan tangkap layar di atas, pihak PPZ-MAIWP menyediakan perkhidmatan dalam pembayaran zakat melalui laman sesawang rasmi tersebut. Usaha ini sangat penting dalam membantu meningkatkan kutipan zakat ketika pandemik COVID-19 kerana Perintah Kawalan Pergerakan yang menghalang urusan secara fizikal. Melalui sistem tersebut, pihak zakat menyediakan tiga perkhidmatan utama dalam usaha kutipan zakat iaitu aplikasi Kira Zakat, aplikasi Bayar Zakat dan aplikasi Semak Penyata Zakat (PPZ-MAIWP, 2023).

Rajah 3: Tangkap Layar Paparan Muka Depan Laman Sesawang Rasmi PPZ-MAIWP

Berdasarkan rajah di atas, pihak PPZ-MAIWP menyediakan empat perkhidmatan pembayaran zakat secara atas talian iaitu perkhidmatan Potongan Gaji Online, Bayaran Tunai Online, Kad Kredit Islamik dan Perbankan Internet. Melalui perkhidmatan Potongan Gaji Online, pihak pembayar zakat boleh mendaftar di portal berkenaan dan membuat potongan gaji secara terus daripada tempat bekerja. Melalui perkhidmatan Bayaran Tunai Online, pembayar zakat boleh membayar zakat secara terus menerusi platform *Financial Process Exchange* (FPX) secara terus kepada pihak PPZ-MAIWP. Seterusnya, melalui perkhidmatan Kad Kredit Islamik pihak pembayar zakat juga boleh melakukan transaksi pembayaran zakat menggunakan kad kredit yang patuh syariah. Perkhidmatan seterusnya ialah Perbankan Internet yang mana pihak pembayar zakat boleh mengakses perbankan internet menggunakan mana-mana bank yang dikehendaki (PPZ-MAIWP, 2023).

Rajah 4: Tangkap Layar Paparan Muka Depan Laman Sesawang Rasmi PPZ-MAIWP

Rajah 4 di atas menunjukkan perkhidmatan tambahan yang disediakan oleh PPZ-MAIWP dalam memperkasakan polisi kutipan zakat ketika pandemik COVID-19 di Wilayah Persekutuan. Bagi perkhidmatan Kaunter PPZ dan Van Bergerak yang berbentuk fizikal itu ditangguh susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Walau bagaimanapun, perkhidmatan yang ditambah baik ialah pembayaran secara atas talian. Melalui Zakat Online, pihak pembayar zakat boleh mendaftar potongan gaji secara bulanan seperti yang disebutkan di atas. Melalui perkhidmatan Perbankan Internet, terdapat lima belas platform pilihan bank yang disediakan oleh pihak PPZ-MAIWP iaitu OCBC BANK, AmBank, Hong Leong Islamic Bank, RHB Bank, HSBC Bank, Public Bank, Cimb Islamic Bank Berhad, Bank Islam, Maybank2u, Bank Muamalat, BSN, Agro Bank, Bank Rakyat, Affin Bank dan Standard Chartered untuk kegunaan pembayar zakat (PPZ-MAIWP, 2023). Seterusnya, bagi perkhidmatan Ejen Kutipan Zakat pihak pembayar zakat boleh mendapatkan maklumat mengenai ejen kutipan zakat yang berdaftar dengan PPZ-MAIWP. Melalui perkhidmatan Ejen Portal & *E-Wallet* pihak PPZ-MAIWP menyediakan perkhidmatan pembayaran dan perkiraan zakat menerusi laman aplikasi secara atas talian iaitu Pos Malaysia, *Senang Pay*, *MyEG*, *PayHalal*, *MyPay*, *Elzar Shariah Solutions and Advisory*, *Al-Amil* dan *MyVerify*. Melalui aplikasi *E-Wallet* pula, pihak PPZ-MAIWP menyediakan enam aplikasi atas talian iaitu *Boost*, *Shopee*, *GoPayz*, *Tuluz*, *MAE Maybank2u* dan *The Noor* yang mana aplikasi ini boleh dimuat turun di platform *Google Play*. Melalui aplikasi *Zakat@Pos*, pihak pembayar zakat juga boleh membayar zakat harta khususnya menggunakan platform digital Pos Malaysia. Seterusnya aplikasi Kalkulator Zakat yang mana pembayar zakat boleh membuat pengiraan zakat dan *PPZ Tv* yang merupakan platform hebahan maklumat dan informasi mengenai PPZ-MAIWP (PPZ-MAIWP, 2020).

**Jadual 1: Jumlah Kutipan Zakat PPZ-MAIWP Ketika Pandemik COVID-19
(Ringkasan Laporan Zakat, 2021)**

Jenis Kutipan Zakat	2020	2021	Peratusan Peningkatan
Pendapatan	RM511,309,117.22	RM553,297,641.88	8.21%
Perniagaan	RM122,947,206.23	RM123,087,685.60	0.11%
Simpanan	RM63,047,111.72	RM82,618,805.19	31.04%
Harta	RM49,102,156.41	RM51,253,955.90	4.38%
Qadha Zakat	RM664,099.76	RM1,069,343.04	61.02%
Lain-lain Zakat	RM8,935,227.59	RM10,412,917.24	16.54%
Jumlah kutipan	RM756,004,918.93	RM821,740,348.85	8.70%

Berdasarkan pelaksanaan polisi kutipan zakat oleh PPZ-MAIWP ketika pandemik COVID-19, pihak PPZ MAIWP telah berjaya membuat kutipan zakat secara keseluruhan sebanyak RM756,004,918.93 pada tahun 2020 dan sebanyak RM821,740,348.85 pada tahun 2021 dengan peningkatan peratusan sebanyak 8.70%. Melalui zakat pendapatan, pihak PPZ-MAIWP berjaya membuat pungutan sebanyak RM511,309,117.22 pada tahun 2020 dan kutipan zakat berjumlah RM553,297,641.88 pada tahun 2021 dengan peningkatan peratusan sebanyak 8.21%. Pada tahun 2020, pihak PPZ-MAIWP berjaya membuat kutipan zakat perniagaan

sebanyak RM122,947,206.23. Jumlah tersebut meningkat sebanyak RM123,087,685.60 pada tahun 2021 dengan peningkatan peratusan sebanyak 0.11% (Ringkasan Laporan Zakat PPZ-MAIWP, 2021).

Seterusnya, pihak PPZ-MAIWP telah membuat kutipan zakat simpanan sebanyak RM63,047,111.72 pada tahun 2020. Jumlah tersebut meningkat kepada RM82,618,805.19 dengan peningkatan peratusan sebanyak 31.04%. Bagi kutipan zakat jenis harta, pihak PPZ-MAIWP telah membuat kutipan berjumlah RM49,102,156.41 pada tahun 2020 dan meningkat sebanyak RM51,253,955.90 pada tahun 2021 dengan peningkatan peratusan sebanyak 4.38%. Bagi pungutan zakat jenis Qadha Zakat, pihak PPZ-MAIWP telah membuat kutipan zakat sebanyak RM664,099.76 pada tahun 2020 dan jumlah kutipan tersebut meningkat kepada RM1,069,343.04 pada tahun 2021 dengan peningkatan peratusan sebanyak 61.02%. Bagi kutipan zakat jenis lain-lain pula, pihak PPZ-MAIWP telah membuat pungutan sebanyak RM8,935,227.59 pada tahun 2020 dan jumlah kutipan meningkat kepada RM10,412,917.24 dengan peningkatan peratusan sebanyak 16.54% (Ringkasan Laporan Zakat PPZ-MAIWP, 2021).

Polisi Pengendalian Agihan Zakat oleh PPZ-MAIWP

Bagi menjayakan pengendalian agihan zakat ketika pandemik COVID-19, pihak PPZ-MAIWP telah melaksanakan beberapa inisiatif dalam merealisasikan usaha tersebut. Sebahagian usaha tersebut ialah pihak PPZ-MAIWP juga menjalinkan kerjasama dengan pihak kerajaan dan bukan kerajaan melalui pelaksanaan bantuan Gerobok Rezeki di seratus buah sekolah menengah, rendah, masjid dan surau di Wilayah Persekutuan (Ahmad, 2020).

Selain itu, pihak PPZ-MAIWP telah memperkenalkan Skim Bantuan Zakat Baitulmal MAIWP dengan mewujudkan 5 kategori bantuan zakat iaitu Pembangunan Asnaf, Tempat Tinggal, Pendidikan, Berdikari dan Pembangunan Ummah serta melibatkan 30 jenis skim bantuan zakat. Melalui kategori Pembangunan Asnaf, pihak PPZ-MAIWP mewujudkan 10 skim bantuan iaitu Bantuan Kewangan Bulanan, Bantuan Aidilfitri, Bantuan Takaful Asnaf, Bantuan Perubatan, Bantuan Menyelesaikan Hutang (Al-Gharimin), Bantuan Perkahwinan, Bantuan Ibnu Sabil, Bantuan Kecemasan, Bantuan Guaman Syarie dan Bantuan Musibah (MAIWP, 2023).

Melalui kategori Tempat Tinggal, pihak PPZ-MAIWP melaksanakan 3 skim bantuan melibatkan Bantuan Deposit Sewa Rumah/Sewa Rumah Bulanan, Bantuan Membina/Membaiki Rumah dan Bantuan Deposit Beli Rumah Kos Rendah. Melalui kategori Pendidikan pula, pihak PPZ-MAIWP melaksanakan 9 skim bantuan seperti Bantuan Am Persekolahan, Bantuan Am Pelajaran IPT, Bantuan Peralatan/Kecemasan Persekolahan, Bantuan Biasiswa/Insentif Khas Pelajar Cemerlang Dalam dan Luar Negara, Bantuan Persediaan IPT, Bantuan Tuisyen, Bantuan Pelajar Kolej Antarabangsa Sains Perubatan PUSRAWI (PICOMS), Bantuan Pelajar Institut Profesional Baitulmal dan Bantuan Galakan Hafaz Al-Quran (MAIWP, 2023).

Seterusnya, melalui kategori Berdikari, pihak PPZ-MAIWP melaksanakan 5 skim bantuan melibatkan Bantuan Perniagaan, Bantuan Deposit Sewa Beli Teksi, Bantuan Deposit Van/ Bas Sekolah, Bantuan Pertanian dan Bantuan Membeli Motosikal Orang Kurang Upaya (OKU). Melalui kategori Pembangunan Ummah pula, pihak PPZ-MAIWP mewujudkan 2 skim bantuan zakat kepada asnaf melibatkan skim Bantuan Kepada Agensi-Agensi Kebajikan (NGO) & Institusi Pendidikan dan skim Bantuan Ar-Riqab (MAIWP, 2023).

**Jadual 2: Jumlah Agihan Zakat PPZ-MAIWP Ketika Pandemik COVID-19
(Ringkasan Laporan Zakat, 2021)**

Jenis Agihan Zakat	2020	2021	Peratusan +/-
Skim-Skim Zakat	RM412,271,213	RM447,056,289.81	+8.44%
Institusi Pendidikan & Kebajikan	RM12,190,379	RM17,904,516.11	+46.88%
Prasarana Umat Islam	RM83,139,853	RM6,801,080.50	-91.82%
Wakalah	RM87,718,708	RM102,822,243.11	+17.22%
Bahagian Amil	RM47,615,644	RM147,234,269.77	+209.21%
Pengurusan Prasarana	RM65,032,621	RM3,326,363.58	-94.89%
Jumlah Agihan	RM707,968,418	RM725,144,752.88	+2.43%

Berdasarkan pelaksanaan polisi agihan zakat ketika pandemik COVID-19, pihak PPZ-MAIWP telah berjaya membuat agihan zakat secara keseluruhan sebanyak RM707,968,418 pada tahun 2020 dan agihan berjumlah RM725,144,752.88 pada tahun 2021 dengan peningkatan peratusan sebanyak 2.43%. Bagi jenis agihan zakat melalui skim-skim zakat yang disebutkan di atas, pihak PPZ-MAIWP telah membuat agihan sebanyak RM412,271,213 pada tahun 2020 dan meningkat kepada RM447,056,289.81 pada tahun 2021 dengan peningkatan peratusan 8.44%. Bagi jenis agihan zakat melalui Institusi Pendidikan & Kebajikan, pihak PPZ-MAIWP telah membuat agihan berjumlah RM12,190,379 pada tahun 2020 dan agihan tersebut meningkat kepada RM17,904,516.11 dengan peningkatan peratusan sebanyak 46.88%. Bagi agihan zakat jenis Prasarana Umat Islam, pihak PPZ-MAIWP telah membuat agihan sebanyak RM83,139,853 pada tahun 2020 dan jumlah agihan zakat tersebut menurun kepada RM6,801,080.50 pada tahun 2021 dengan penurunan peratusan sebanyak 91.82% (Ringkasan Laporan Zakat, 2021).

Selain itu, bagi agihan zakat jenis Wakalah pihak PPZ-MAIWP telah membuat agihan zakat sebanyak RM87,718,708 pada tahun 2020 dan jumlah tersebut meningkat kepada RM102,822,243.11 pada tahun 2021 dengan peratusan peningkatan sebanyak 17.22%. Bagi agihan zakat jenis Bahagian Amil, pihak PPZ-MAIWP telah membuat agihan zakat berjumlah RM47,615,644 pada tahun 2020 dan meningkat kepada RM147,234,269.77 pada tahun 2021 dengan peningkatan peratusan sebanyak 209.21%. Bagi penggunaan dana zakat jenis Pengurusan Prasaran pula, pihak PPZ-MAIWP telah membelanjakan sebanyak RM65,032,621 pada tahun 2020 dan jumlah tersebut menurun kepada RM3,326,363.58 pada tahun 2021 dengan penurunan peratusan sebanyak 94.89% (Ringkasan Laporan Zakat, 2021).

Kesimpulan

Pihak PPZ-MAIWP telah melaksanakan inisiatif dan alternatif yang signifikan ketika pandemik COVID-19 melanda negara Malaysia. Inisiatif tersebut telah berjaya dilakukan oleh pihak PPZ-MAIWP apabila berjaya mencatatkan jumlah kutipan dan agihan yang memberansangkan. Berdasarkan kepada dapatan kajian, ia berjaya mencapai objektif yang digariskan iaitu pihak PPZ-MAIWP telah mengambil tindakan alternatif dan proaktif bagi menghadapi pandemik COVID-19 khususnya dalam melaksanakan polisi kutipan dan agihan zakat di Wilayah Persekutuan. Inisiatif yang dilaksanakan tersebut melibatkan kempen zakat secara atas talian, mempromosikan kaedah pembayaran zakat melalui media elektronik, portal, dan pelbagai aplikasi digital yang mesra pelanggan. PPZ-MAIWP juga telah mengagihkan pelbagai jenis bantuan kepada asnaf seperti skim-skim bantuan zakat seperti bantuan zakat secara bulanan, secara berkala dan bantuan zakat sekali beri (one off). Pihak PPZ-MAIWP melakukan kerjasama strategik dengan agensi kerajaan dan bukan kerajaan bagi mengurangkan kerana birokrasi dalam menyalurkan agihan zakat.

Penghargaan

Penyelidikan ini dibiayai sepenuhnya oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia melalui geran Fundamental Research Grant Scheme-Early Career, FRGS-EC/1/2024/SS02/UUM/02/6. Pengkaji juga ingin merakamkan penghargaan kepada Universiti Utara Malaysia atas sokongan dan kemudahan yang disediakan sepanjang kajian ini dijalankan.

Rujukan

- Ahmad, Idris. (2022). Golongan asnaf meningkat seramai 14,746. Dicapai pada September 2023 melalui laman sesawang: [kosmo.https://www.kosmo.com.my/2022/01/10/golongan-asnaf-meningkat-seramai-14746/](https://www.kosmo.com.my/2022/01/10/golongan-asnaf-meningkat-seramai-14746/)
- Ahmad, Idris. (2020). Kutipan zakat Wilayah Persekutuan catat peningkatan. Dicapai pada 2023 melalui laman sesawang Sinar Harian: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/01/909882/kutipan-zakat-wilayah-persekutuan-catat-peningkatan>
- Asni, F., Mahamud, M. A., & Sulong, J. (2021). Management of Community Perception Issues to Ceiling and Floating Rates on Islamic Home Financing Based on Maqasid Shariah Concept. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(7), 100-109.
- Asni, F., Yusli, A. Y., & Umar, A. I. (2021). The Role of The Perlis State Mufti Department in Restraining Covid-19 Through Fatwas and Legal Guidelines. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(10), 311–328.
- Aziz, N. A., Othman, J., Lugova, H., Suleiman, A., behalf of the Economy, O., & Cluster, S. W. (2020). Malaysia's approach in handling COVID-19 onslaught: Report on the Movement Control Order (MCO) and targeted screening to reduce community infection rate and impact on public health and economy. *Journal of infection and public health*.
- Bernama, 2020. Dicapai pada September 2023 melalui laman sesawang Bernama: <https://www.aksessmalaysia.my/kerjasama-strategik-ppz-maiwp-bersama-rhb-islamic-bank-dalam-meningkatkan-kutipan-zakat-secara-menyeluruh/>
- COVID-19/Kementerian Kesihatan Malaysia. (2021). Terkini Harian. Lihat: <https://covid-19.moh.gov.my/> (Diakses pada 30.8.2021).
- DOSM. (2020). Buletin Khas Negeri. Lihat: https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/6_Newsletter/Special_Bulletin/DOSM_B_K_PERLIS_9_2020_Siri-16.pdf (Diakses pada 25/12/2021).

- Fabeil, N. F., Pazim, K. H., & Langgat, J. (2020). The impact of Covid-19 pandemic crisis on micro-enterprises: Entrepreneurs' perspective on business continuity and recovery strategy. *Journal of Economics and Business*, 3(2).
- Fisal, S. F. M., Khafidz, H. A., Subri, I. M., & Rahman, A. A. (2016). Aplikasi Kaedah Fiqh Al-Darurah Tuqaddar Biqadariha dalam Agihan Zakat untuk Mangsa Banjir: Application of Al-Darurah Tuqaddar Biqadariha from Islamic Legal Maxims in Zakat Distribution for Flood Victims. *Journal of Fatwa Management and Research*, 8(1), 79-90.
- Fisal, S. F. M., Rahman, A. A., Ahmad, S., & Wahid, H. (2016). Kedudukan Mangsa Banjir Sebagai Penerima Zakat dan Cadangan Pengaplikasiannya di Malaysia: The Status of Flood Victims As Zakat Receipients and Its Recommendations to be Applied in Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, 8(1), 109-123.
- Halim, W. M. A. W., Asni, F., Noor, A. M., & Hasbulah, M. H. (2022). Strategy in Zakat Collection and Distribution by Lzs in Selangor During Covid-19. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(8), 1965 – 1977. DOI:10.6007/IJARBSS/v12-i8/14263
- Hasbulah, M. H., Noor, A. M., Asni, F., Halim, W. M. A. W., & Zuki, M. F. M. (2022). Management of Zakat Collection and Distribution During The Covid-19 Pandemic: A Case Study on Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM). *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*. 12(7), 1394 – 1404. DOI:10.6007/IJARBSS/v12-i7/14104
- Hudaefi, F. A., & Beik, I. S. (2021). Digital Zakāh Campaign In Time Of Covid-19 Pandemic In Indonesia: A Netnographic Study. *Journal of Islamic Marketing*.
- Hudaefi, F. A., Caraka, R. E., & Wahid, H. (2021). Zakat Administration In Times Of COVID-19 Pandemic In Indonesia: A Knowledge Discovery Via Text Mining. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*. Ibn Manzur, M. (1990). *Lisan al-‘Arab*. Beirut: Dar al-Sadir.
- Ibrahim, M. F. (2020). Perbandingan Kaedah Kutipan Zakat Harta Oleh Institusi Zakat Di Negeri-negeri Utara Malaysia. *International Journal of Zakat and Islamic Philanthropy*.
- Ibrahim, S. M. (2015). The role of zakat in establishing social welfare and economic sustainability. *International Journal of Management and Commerce Innovations*, 3(1), 437-441.
- Kadir, A., Hakim, M. R., Syam, F., & Karim, M. S. (2020). Penggunaan Dana Zakat Pada Korban Covid-19 Perspektif Maqashid Syariah. *Al-Tafaquh: Journal of Islamic Law*, 1(2), 107-116.
- Kadri, Z., Ahmad, S., Noor, M. A. M., & dan Pengurusan, F. E. (2012). Zakat Sebagai Pemangkin Pembangunan Ekonomi: Ke Arah Negara Berpendapatan Tinggi. *Prosiding PERKEM VII, Jilid II*, 1263-73.
- Kamrizal, K., & Nenengsih, N. (2021). Strategy of Zakat Collection during the Covid-19 Pandemic at Padang City (Case Study at LAZ Charity Risalah). *International Journal on Advanced Science, Education, and Religion*, 4(1), 76-85.
- Karim, W., Haque, A., Anis, Z., & Ulfy, M. A. (2020). The movement control order (mco) for covid-19 crisis and its impact on tourism and hospitality sector in malaysia. *International Tourism and Hospitality Journal*, 3(2), 1-7.
- Kasri, R. A., & Yuniar, A. M. (2021). Determinants of digital zakat payments: lessons from Indonesian experience. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*.
- Laporan Tahunan 2020. Pusat Pungutan Zakat, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan PPZ-MAIWP.

- Lebar, O. (2018). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Metode*. Tanjong Malim: Penerbit UPSI.
- Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. 2023. Dicapai pada September 2023 melalui laman sesawang rasmi MAIWP: <https://www.maiwp.gov.my/i/index.php/en/skim-bantuan>
- Noor, A. M., Asni, F., Hasbulah, M. H., Halim, W. M. A. W., Mutalib, H. A., & Bakar, M. A. (2022). Zakat Collection and Distribution Methods in The Phase of Covid-19 Pandemic: Analysis of its Implementation in Perak. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(8), 97 – 109. DOI:10.6007/IJARBSS/v12-i8/14167
- Othman, N., & Nor, F. M. (2021). Konsep Kewangan Islam dalam Pembangunan Ekonomi Malaysia Semasa Pandemik Covid-19. *Jurnal Pengajian Islam*, 14(1), 176-193.
- Othman, Z., & Ibrahim, A. Z. (2020). Covid-19: Coping Strategies among B40 Households in *Journal of Molecular & Clinical Medicine*, 7(6), 1513-1524.
- Ringkasan Laporan Zakat 2020. Pusat Pungutan Zakat, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan PPZ-MAIWP.
- Ringkasan Laporan Zakat 2021. Pusat Pungutan Zakat, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan PPZ-MAIWP.
- Shah, A. U. M., Safri, S. N. A., Thevadas, R., Noordin, N. K., Abd Rahman, A., Sekawi, Z., ... & Sultan, M. T. H. (2020). COVID-19 outbreak in Malaysia: Actions taken by the Malaysian government. *International Journal of Infectious Diseases*, 97, 108-116.
- Shakeel, S., Hassali, M. A. A., & Naqvi, A. A. (2020). Health and economic impact of COVID-19: mapping the consequences of a pandemic in Malaysia. *The Malaysian journal of medical sciences: MJMS*, 27(2), 159.
- Wahid, H., Ahmad, S., Nor, M. A. M., & Rashid, M. A. (2017). Prestasi Kecekapan Pengurusan Kewangan Dan Agihan Zakat: Perbandingan Antara Majlis Agama Islam Negeri Di Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 51(2), 39-54.
- WHO. (2020). Coronavirus disease (COVID-19) Pandemic. See: <https://www.who.int/emergencies/diseases/novel-coronavirus-2019> (Diakses pada 23.12.2021).
- WHO. (2020). Coronavirus disease (COVID-19) Pandemic. See: <https://www.who.int/emergencies/diseases/novel-coronavirus-2019>. (Diakses pada 23.12.2021).
- WORLD METERS. (2021). COVID-19 CORONAVIRUS PANDEMIC. See: <https://www.worldometers.info/coronavirus/> (Diakses pada 30.8.2021).
- Zulkifli Mohamad al-Bakri (2011). *Fatwa Zakat Kontemporari*. Siri Kajian Hukum Muamalat (siri pertama). Kuala Lumpur: Bank Muamalat Bhd.